

1069

METODE AL-TAFTAZANI DALAM HURAIANNYA TERHADAP AL-ARBA'IN AL-NAWAWIYYAH: FOKUS TERHADAP METODE ILMU 'ULUM HADITH

Rosni Wazir

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

rosni@kuis.edu.my

ABSTRAK

Al-Taftazani adalah salah seorang tokoh yang telah menghuraikan al-Arba'in al-Nawawiyyah dengan kecenderungan tasawuf. Karya bersaiz sederhana ini dihasilkan oleh beliau dengan pendekatan yang tersendiri terutama yang bercirikan tasawuf. Sekiranya diteliti, dapat dilihat pelbagai bentuk metode telah digunakan oleh beliau seperti metode utama yang melibatkan penggunaan ayat-ayat al-Quran, hadis, athar, pendapat ulama lain sama ada yang datang sebelum atau semasa dengannya; metode sampingan yang menggambarkan keunikan huraianya; metode berdasarkan ulum al-hadith; metode fiqh al-hadith dan metode dalam menyatakan rujukan. Penulisan ini bagaimanapun akan memfokuskan kepada metode ilmu ulum al-hadith yang akan melibatkan pernyataan tentang asal-usul hadis/takhrij al-hadith/'azw al-hadith, hukum hadis, ikhtilaf al-hadith, al-jarh wa al-ta'dil dan terjemahan perawi. Penelitian ini akan menampakkan keunikan yang ditunjukkan oleh tokoh tasawuf ini dalam menghuraikan hadis-hadis nabawi.

Kata Kunci: Al-Taftazani, Al-Arba'in Al-Nawawiyyah, Tasawuf, Metode, Ulum Al-Hadith

1. BIODATA SA'AD AL-TAFTAZANI

Sa'ad al-Taftazani dilahirkan pada kurun ke 7H/13M merupakan tokoh yang terkenal dalam bahasa Arab, *al-mantiq*, *usul al-fiqh*, *tafsir*, *al-kalam* dan lain-lain. Sepanjang pencarian ilmunya, al-Taftazani telah melalui satu *reahlah ilmiyyah* yang memenatkan. Segala masa dan usaha yang ada dicurahkan untuk kerja-kerja mengajar, menulis, mendidik dan bermuzakarah sesama ulama pada waktu itu. Hasilnya, telah lahir ramai murid-murid yang hebat serta karya-karya yang bermutu tinggi, sama ada dalam bentuk karya asal, *al-sharh*, *al-hasyiah* atau *al-talkhis*.

Nama beliau sebenarnya adalah Mas'ud bin Umar bin 'Abd Allah al-Taftazani¹ al-Harawi² al-Syafi'i³ al-Kurasani⁴, atau lebih dikenali sebagai Sa'ad al-Din al-Taftazani⁵. Ini adalah nama yang dipersetujui oleh ramai ulama seperti al-Suyuti⁶, Ibn 'Imad⁷, Ahmad bin Mustafa atau dikenali sebagai Tasy Kabari Zadah⁸ dan al-Baghda⁹ serta ramai lagi¹⁰. Namun

¹ Nisbah kepada Taftazan, kampung kelahirannya.

² Nisbah kepada Harah, di mana sebahagian masa hayatnya dihabiskan di sini.

³ Nisbah kepada mazhab al-Shafi'i.

⁴ Nisbah kepada Khurasan, bandar kelahirannya.

⁵ al-Shaukani (2006), *al-Badr al-Toli 'bi Mahasin man Ba'd al-Qarn al-Sabi'*, Beirut : Dar Ibn Kathir, cet. 1, j.2, h. 294. Lihat juga Yusuf bin Taghr Barda al-Atabaki (1988), *al-Manhal al-Safi wa al-Mustawfa Ba'd al-Wafa*, Dr. Nabil Muhammad 'Abd al-'Aziz (*tahqiq*), ttc : Markaz Tahqiq al-Turath, j.5, h. 190.

⁶ Al-Suyuti (1979), *Bughyah al-Wu'ah fi Tabaqat al-Lughawiyin wa al-Nuhah*, Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim (*tahqiq*), cet.2, Beirut : Dar al-Fikr, h.285.

⁷ Ibn al-'Imad (1992), *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, Mahmud al-Arna'ut (*tahqiq*), cet.1, Beirut : Dar Ibn Kathir, j.8, h. 547.

⁸ Tash Kabari Zadah (1985), *Miftah al-Sa'adah wa Misbah al-Siyadah fi Mawdu'at al-'Ulum*, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.1, h.190.

⁹ Isma'il Basha al-Baghda (1951), *Hadiyyah al-'Arifin Asma' al-Mu'allifin wa Athar al-Muthannifin*, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Lubnan, j.2, h.429

¹⁰ Umar Reda Kahalah (t.t), *Mu'jam al-Mu'allifin Tarajim Musannifi al-Kutub al-'Arabiyyah*, Beirut : Maktabah al-Mathna, Dar Ihya' al-Turath, j. 12, h.183.

begitu, Ibn Hajar al-‘Asqalani telah menggantikan nama “Mas’ud” dengan “Mahmud”¹¹, dan hanya beliau seorang sahaja yang berpendapat begini dan tidak diketahui sebabnya¹².

Terdapat satu sahaja *kunniyah* yang diberikan kepada al-Taftazani iaitu Abu Sa’id, sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. ‘Abd Allah ‘Ali al-Mala.¹³

Al-Taftazani dilahirkan di Taftazan¹⁴, sebuah kawasan berhampiran Nasa, sebuah bandar berhampiran Khurasan. Ia terletak berhampiran Sarkhas, Marw dan Naysabur.

Terdapat dua pendapat tentang tarikh lahir al-Taftazani, iaitu 722H/1322M dan 712H/1312M, begitu juga dengan tarikh kematiannya iaitu 791H/1388M dan 792H/1389M. Namun begitu ramai ulama’ yang bersetuju dengan tarikh 722H/1322M kerana alasan-alasan berikut:

- a. Tarikh ini disebut oleh ramai penulis dalam karya-karya mereka.
- b. Tarikh ini tertulis pada naskhah karya *al-Mutawwal* yang asal.¹⁵
- c. Beliau menulis *Sharh al-Tasrif* pada 738H/1337M semasa usianya 16 tahun.¹⁶
- d. Beliau menulis *al-Mutawwal ‘ala al-Talkhis* pada 742H/1341M semasa usianya 20 tahun.¹⁷

Al-Taftazani berasal daripada sebuah keluarga yang terkenal. Bapanya, ‘Umar yang diberi gelaran “Fakhr al-Din” atau “Zayn al-Din” merupakan seorang yang berilmu dan memegang jawatan qadi. Datuknya yang bernama ‘Abd Allah diberi gelaran “Burhan al-Din” juga seorang kadi yang terkenal dan mempunyai kelayakan ilmu yang tinggi. Kehebatan yang dimiliki oleh keturunan ini jelas sekali mewarisi keilmuan yang dimiliki oleh moyangnya yang digelar “Syams al-Haq wa al-Din”.¹⁸

Beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 22 Muharram 792H/10 Januari 1390M di Samarqand. Kerandanya dipindahkan ke Sarkhas dan disemadikan di sana pada hari Rabu, 8 Jamadil Awaal tahun yang sama¹⁹. Tarikh ini dipersetujui oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani²⁰, al-Syawkani²¹, al-Atabaki²², al-Baghdadi²³ dan Tasy Kabari Zadah²⁴.

¹¹ Ibn Hajar al-‘Asqalani (1986), *Anba’ al-Ghumar bi Abna’ al-‘Umr fi al-Tarikh*, Dr. Muhammad ‘Abd al-Ma’id Khan (*tahqiq*), Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Lubnan, cet.2, j.2, h. 377. Lihat juga Ibn Hajar al-‘Asqalani (1972), *al-Durar al-Kaminah fi A’yan al-Mi’ah al-Thaminah*, India : Da’irah al-Ma’arif al-Uthmaniyyah, j.6, h.112.

¹² Sa‘ad al-Din al-Taftazani (1998), *Sharh al-Maqasid*, Dr. ‘Abd al-Rahman ‘Amirah (*tahqiq*), Beirut : ‘Alah al-Kutub, j.1, h.75.

¹³ Dr. ‘Abd Allah ‘Ali Husyan al-Mala (1996), *op.cit.*, h.149.

¹⁴ Berdasarkan kepada tempat lahirnya, maka jelaslah bahawa al-Taftazani ini bukanlah seorang yang berbangsa Arab, bahkan beliau adalah *al-‘ajam* yang berbangsa Parsi (Iran). Lihat Muhammad Farid Wajdi (t.t), *Da’irah al-Ma’arif al-Qarn al-‘Isyrun al-Rabi’ ‘Ashar – al-‘Ishrin*, Beirut : Dar al-Fikr, j.2, h.677. Sehingga kini tiada karya yang menyebut secara jelas awal penghidupan al-Taftazani di kampung halamannya ini. Namun begitu, kebanyakan penulis mempunyai keyakinan yang sama iaitu di sinilah al-Taftazani memperolehi pendidikan awalnya dan beliau tidak menghabiskan masa yang lama di sana.

¹⁵ Al-Mirza Muhammad Baqir al-Mawsa al-Khawansari al-Asbihani (1991), *op.cit.*, h.36.

¹⁶ Tash Kabari Zadah (1985), *op.cit.*, h.191

¹⁷ Sa‘ad al-Din al-Taftazani (1998), *op.cit.*, h.77.

¹⁸ Dr. ‘Abd Allah ‘Ali Husyan al-Mala (1996), *op.cit.*, j.1, h. 159.

¹⁹ Al-Mirza Muhammad Baqir al-Mawsa al-Khawansari al-Asbihani (1991), *op.cit.*, h.36.

²⁰ Ibn Hajar al-‘Asqalani (1972), *op.cit.*, h.112.

²¹ al-Syaukani (2006), *op.cit.*, h.295.

²² Yusuf bin Taghra Barda al-Atabaki (1988), *op.cit.*, h.190.

Sekiranya dilihat pada kehidupan al-Taftazani pada kurun ke 8H, kita akan mendapati bahawa beliau dikelilingi oleh imam-imam dan ilmuan Islam yang hebat kerana ia merupakan zaman kecemerlangan fikrah Islam dan ilmunya.

Menurut pandangan Dr. ‘Abd Allah ‘Ali al-Mala, Sa’ad al-Taftazani berada pada liganya yang tersendiri berbanding tokoh-tokoh lain pada waktu itu kerana mereka mengkhususi pada 4 ilmu yang utama iaitu hadis, tafsir, fekah dan ‘akidah, manakala al-Taftazani pula mengkhususi *ilm al-kalam*, *usul al-fiqh*, *ilm al-mantiq* dan *al-balaghah*.²⁵

Kepakaran beliau yang paling menonjol adalah dalam bidang tasawuf dan bahasa Arab, tetapi beliau juga mampu untuk menghasilkan dalam pelbagai bidang yang lain. Karyakarya yang dihasilkan oleh beliau adalah seperti *Sharh al-Tasrif al-Zanjani*²⁶, *Al-Irsyad al-Hadi fi al-Nah*,²⁷ *Sharh Al-Mutawwal ‘ala Talkhis al-Miftah*²⁸, *Al-Sharh al-Mukhtasar ‘ala Talkhis al-Miftah*²⁹ *Sharh Qism al-Thalith min Miftah al-‘Ulum*³⁰ dan *Sharh al-Taftazani ‘ala al-Ahadith al-Arba’ in al-Nawawi*.³¹

2. SYARAH AL-TAFTAZANI TERHADAP AL-ARBA ‘IN AL-NAWA WIYYAH

*Sharh*³² *al-Taftazani ‘Ala al-Ahadith al-Arba’ in al-Nawawiyyah* merupakan salah satu daripada karya al-Taftazani dan ia merupakan huraihan kepada *al-Arba’ in al-Nawawiyyah*.

²³ Isma‘il Basha al-Baghdadi (1951), *op.cit.*, h.430.

²⁴ Tash Kabari Zadah (1985), *op.cit.*, h.191.

²⁵ Dr. ‘Abd Allah ‘Ali Husayn al-Mala (1996), *op.cit.*, j.1, h.203.

²⁶ Ia merupakan syarah kepada *matan al-tasrif* yang dibuat oleh ‘Iz al-Din Abu al-Fadl al-Zanjani yang meninggal pada tahun 655H/1257M. *Matan* ini dikenali sebagai ‘al-‘Izzi’. Sa’d al-Din al-Taftazani menghasilkan karyanya ini semasa usianya baru menjangkau 16 tahun dan ia merupakan karyanya yang terawal. Ia merupakan salah satu karyanya yang bercetak, terkenal dan mendapat perhatian ramai ilmuwan. Terdapat beberapa karya berbentuk *hashiah* dilakukan terhadap karya ini.

²⁷ Ia merupakan karya yang ditulis berkaitan ilmu *al-nahw*. Ia selesai ditulis pada tahun 774H/1372M di Khawarizim. Ia merupakan *matan* yang diringkaskan terhadap karya *al-Kafiyah* oleh Ibn al-Hajib. Karya ini telah mendapat perhatian ilmuwan dan telah ditahqiq dan disyarah beberapa kali.

²⁸ Ia dikenali sebagai *al-Mutawwal* dan berkaitan dengan ilmu *al-balaghah*. Ia merupakan syarah kepada *Talkhis al-Miftah* oleh Jalal al-Din Muhammad bin ‘Abd al-Rahman al-Qazwini. al-Taftazani mengarang kitab ini pada pertengahan 742H/1341M, sewaktu berusia 28 tahun dan ia disempurnakan pada tahun yang sama.

²⁹ Dikenali sebagai “*al-Mukhtasar*” atau “*Mukhtasar al-Ma’ani*” atau “*Mukhtasar Sharh Talkhis al-Miftah*” atau “*Ikhtisar Sharh al-Talkhis*” atau “*Sharh al-Mukhtasar*”. Ia merupakan ringkasan kepada kitab *al-Mutawwal*.

³⁰ Karya ini berkaitan dengan bab ketiga daripada *al-Miftah* karangan al-Sakaki, khususnya tentang *ilm al-ma’ani* dan *al-bayan* dan syarahnya yang diselesaikan beberapa tahun sebelum kematiannya

³¹ Ia merupakan satu-satunya karya *sharh al-hadith* yang dilakukan oleh al-Taftazani. Sehingga kini tidak banyak maklumat yang diperolehi mengenai karya ini, malahan Dr.‘Abd Allah ‘Ali Husin al-Mala tidak menyenaraikannya sebagai salah satu karya al-Taftazani, berbeza dengan pendapat Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma‘il yang menyenaraikannya sewaktu menjelaskan tentang biodata ringkas al-Taftazani di halaman awal *tahqiqnya*. Ia juga dipersetujui oleh beberapa pengarang yang lain seperti al-Baghdadi dan Haji Khalifa yang menyenaraikannya sebagai “*al-Arba’ in*” li Sa‘ad al-Din al-Taftazani. Lihat Sa‘ad al-Din al-Taftazani (1998), *op.cit.*, h.19. Lihat juga Isma‘il Basha al-Baghdadi (1951), *op.cit.*, h.430. Lihat juga Haji Khalifa (t.t), *ibid.*, j.1, h.56.

³² *Sharh* berasal dari perkataan “*sharaha*” dan “*sharraha*”. *Sharaha* ini jika disandarkan kepada perkara ia membawa makna “*as’ahu*” iaitu meluaskannya. Sekiranya disandarkan kepada perkataan, ia membawa makna “*fa sarrahu*” iaitu mejelaskannya.

Manakala “*sharraha*” pula, jika disandarkan kepada perkara, maka ia membawa makna “*qata’aha*” iaitu potongan, seperti potongan daging. Sekiranya disandarkan kepada perkataan ia boleh membawa makna,

Ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh seorang penulis sufi Nusantara yang terkenal iaitu Sheikh ‘Abd al-Rauf al-Fansuri. Terjemahan ini diberi tajuk *Sharh al-Latif* yang dihasilkan pada kurun ke 17M, dianggap sebagai karya *sharh al-hadith* yang pertama di Nusantara dan mempunyai kecenderungan tasawwuf. Ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana Sheikh ‘Abd al-Rauf al-Fansuri sendiri merupakan tokoh tasawwuf yang terkenal pada waktu itu. Sheikh ‘Abd al-Rauf al-Fansuri dipetik berkata dalam karyanya:

Telah berkata fakir yang berpegang kepada Allah Raja Yang Amat Nyata iaitu Syeikh Abd Rauf anak Ali. Ini suatu syarah yang latif atas empat puluh hadis bagi karangan Imam Nawawi telah dikasihannya Allah Taala jua kiranya akan dia. Telah kupilih kebanyakannya daripada syarah Sheikh Sa`d al-Din al-Taftazani *rahmatullah `alayh*. Dan telah kujadikan ia dengan bahasa jawi Pasai.³³

Karya ini telah disenaraikan oleh Haji Khalifa di dalam *Kashf al-Zunun* sebagai salah satu karya *al-Arba‘in*, namun setelah diteliti, ia sebenarnya lebih kepada karya syarah bagi *al-Arba‘in al-Nawawiyyah*.

Terdapat beberapa keistimewaan yang boleh dilihat pada karya ini :

- a. Ia merupakan salah satu daripada karya *sharh* bagi *al-Arba‘in al-Nawawiyyah* yang banyak menumpukan kepada nilai tasawwufnya. Ia memberikan dimensi yang berbeza berbanding karya-karya *sharh* yang lain.
- b. Kebanyakan tokoh yang dijadikan rujukan merupakan tokoh-tokoh yang berkaliber dalam bidang tasawwuf.
- c. Pengarangnya banyak menukilkan pendapat-pendapat dari tokoh-tokoh bahasa serta ulasan-ulasannya juga banyak menjurus ke arah itu.
- d. Pengarang juga banyak menyentuh tentang isu-isu akidah yang dirasakan amat penting untuk difahami.
- e. Metod *sharh* juga menarik kerana pengarang bijak menggunakan gaya dan stil yang menarik minat pembaca seperti memberi kesimpulan terhadap perbincangan yang panjang, memberikan pengajaran terhadap perbincangan yang mendalam, membuat penjelasan tambahan kepada isu lain yang berkait dengan isu utama serta memberi penekanan terhadap isu-isu penting yang perlu difahami oleh pembaca.
- f. Berdasarkan kepadauraian pengarang, karya ini dapat digolongkan dalam karya *sharh al-Arba‘in al-Nawawiyyah* yang agak besar saiznya.

Karya ini juga mempunyai kelemahan seperti :

- a. Tidak banyak memberi ulasan terhadap hukum hadis. Hal ini berkemungkinan kerana ia bukanlah tujuan utama pengarang ini dan sebahagian besar hadis-hadis ini adalah daripada riwayat al-Bukhari dan Muslim dan tidak banyak pendebatan yang timbul tentangnya.
- b. Pengenalan terhadap perawi-perawi juga tidak banyak ditekankan.

potongan ayat yang menjelaskan potongan ayat yang lain. Ia boleh memberi makna menyingkap, menerangkan atau menjelaskan.

Sila lihat Dr. Nasir Sayyid Ahmad et.all (2008), *al-Mu’jam al-Wasit*, Beirut : Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, h.326-327.

³³ Sila lihat manuskrip *Sharh Latif ‘ala Arba‘in Hadithan li Imam al-Nawawi*, M 297.1248 AHMP, halaman mukaddimah.

c. Terdapat *al-athar* yang dinukilkan oleh penulis tidak dapat ditentukan sumbernya.

3. Metode Al-Taftazani Dalam Bidang *Ulum Al-Hadith*

Al-Taftazani mempunyai metodologi syarahnya yang tersendiri meliputi pelbagai aspek sama ada secara umum sebagaimana penulis lain atau secara khusus. Salah satu daripada metodologi beliau yang menonjol adalah pendekatannya dalam bidang *ulum al-hadith*. Ia dapat dilihat sebagaimana berikut:

a) Pernyataan tentang asal-usul hadis/*takhrij al-hadith/‘azw al-hadith*

Ini adalah metode yang amat jarang dilakukan oleh al-Taftazani dan ada ketikanya beliau tidak menyatakan dengan jelas sumber asal hadis yang dirujuknya. Beliau juga tidak menyatakan sama ada ia adalah hadis atau *al-athar* atau sekadar kata-kata hukama’.

Contoh: (Hadis 4):

Al-Taftazani menjelaskan bahawa “*mi’raj*” bagi orang yang bersolat adalah dua perkara; jasmani dengan perbuatan dan rohani dengan zikir. Ia sebagaimana yang dinyatakan: “Solat itu *mi’raj* orang mukmin”.³⁴

Pernyataan di atas bukanlah sebuah hadis kerana tidak dapat ditemui sumber asalnya.

b) Hukum Hadis

Al-Taftazani lebih suka menyentuh secara ringkas tentang hukum hadis yang diriwayatkannya. Ini adalah salah satu metode yang jarang digunakan oleh beliau.

Contoh: (Hadis 10):

Al-Taftazani mengulas tentang darjat hadis yang disebut oleh al-Tirmidhi sebagai “*hadith hasan sahib*”. Beliau memetik pendapat Ibn Solah yang berkata: “Yang dimaksudkan bahawa hadis itu diriwayatkan dengan dua *sanad*. *Sanad* pertama membawa maksud *sahib* dan *sanad* kedua membawa maksud *hasan*.³⁵”

c) Menyentuh tentang *Ikhtilaf al-Hadith*

Al-Taftazani juga tidak lupa untuk menyentuh aspek *mukhtalaf al-hadith* walaupun dalam bilangan yang sangat terhad.

Contoh 1: (Hadis 4):

Berlaku pertembungan di antara hadis ini dengan sebuah hadis riwayat Muslim berkaitan dengan tempoh penciptaan janin. Hadis tersebut menjelaskan bahawa pembentukan rupa dan anggota badan janin adalah selepas 40 hari pertama setelah berlalunya tempoh air mani. Ia bercanggah dengan hadis 4 dalam senarai *al-Arba’in* yang menyatakan bahawa pembentukan janin berlaku hanya selepas 120 hari setelah tempoh air mani, pembentukan tulang dan pembentukan daging. Ia bermaksud 40 hari bagi setiap tiga peringkat.

Al-Taftzani menjelaskan pertembungan ini dengan berkata:

Maka jawapannya: Urusan penciptaan ini adalah beberapa ketika:

Pertamanya, sewaktu dalam bentuk air mani, kemudian ia berubah menjadi tulang. Ini adalah maklumat pertama bahawa ia akan terbentuk menjadi janin. Ini berlaku lepas sedikit daripada

³⁴ *Ibid.*, h.79.

³⁵ *Ibid.*, h.111.

40 hari kedua. Kemudian, 40 hari ketiga, ia dibentukkan dan dijadikan anggota badannya. Setelah itu, ditiupkan roh. Maka maksud pembentukan rupa dan anggota badan oleh hadis Muslim tersebut bermakna “dituliskan suratan rupa dan anggota badannya pada waktu itu (40 hari pertama) tetapi perlaksanaannya adalah di waktu lain (selepas 40 hari ketiga) ”.³⁶

d) Menyatakan *al-jarh wa al-ta’wil*

Terdapat satu tempat di mana al-Taftazani ada menyebut tentang *al-jarh wa al-ta’wil* iaitu pada hadis yang ke 32 apabila beliau mengulas tentang *perawi* di dalam *sanadnya* iaitu:

فِي الْمَوْطَأِ عَنْ عُمَرَ بْنِ يَحْيَى عَنْ أَبِيهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرْسَلاً

Maksudnya: “Beliau adalah adil dan bukan seorang sahabat.”³⁷

e) Terjemahan *Perawi*

Al-Taftazani menyebut biodata perawi, nama sebenar, sifat-sifat peribadi, tarikh kelahiran dan kematian, bilangan hadis yang diriwayatkan, peristiwa-peristiwa penting bersama Rasulullah □ serta kisah-kisah lain.

Contoh 1: (Hadis 1):

Perawi bagi hadis 1 adalah Saidina ‘Umar al-Khattab♦., beliau memperkenalkan tokoh ini dengan berkata:

“Pemisah di antara yang benar dan batil serta sangat tegas dengan urusan Allah ﷺ. Seorang yang bijak, rajin, sabar dan bertimbangrasa. Melaksanakan kebenaran, memuliakan agamanya dan menggembirakan penghuni langit dengan pengislamannya. Sekiranya ada nabi selepas Muhammad maka ‘Umarlah orangnya. Mati ditikam oleh Abu Lu’luah semasa usianya 36 tahun.”³⁸

Beliau tidak dikenali sebagai seorang yang pakar dalam ilmu hadis, namun ini tidak menghalang beliau untuk memperkenalkan para *muhaddith* yang meriwayatkan hadis-hadis terbabit.

Contoh 2: (Hadis 2):

Beliau memperkenalkan secara ringkas nama al-Bukhari dan Muslim pada pengakhiran hadis ini. Pengenalan yang dilakukan oleh beliau tidak panjang lebar, tetapi tetap mengambil berat tentang penyebutan nama keturunan al-Bukhari “Bardizbah” Beliau kemudiannya menyatakan tarikh lahir, tarikh wafat, watak dan keperibadian, bilangan hadis yang diriwayatkan serta memetik kata-kata mereka yang terkenal, Kata beliau sewaktu mengulas tentang nenek moyang al-Bukhari:

“Huruf *ba’* ditarikkan atas, huruf *ra’* dimatikan, huruf *dal* ditarikkan bawah, huruf *zay* dimatikan, huruf *ba’* ditarikkan atas dan *ha’* dimatikan. Maknanya bagi bahasa orang Bukhara adalah “petani”. Beliau adalah seorang majusi dan meninggal dunia dalam keadaan begitu.”³⁹

Mana-mana perawi yang telah dinyatakan biodatanya sebelum ini, tidak lagi disentuh tentangnya. Sebagai contohnya, adalah biodata Umar al-Khattab ♦ yang sudah beliau

³⁶ *Ibid.*, h.83.

³⁷ *Ibid.*,h.197.

³⁸ *Ibid.*, h.53.

³⁹ *Ibid.*, h.61.

jelaskan pada hadis 1. Kata beliau: Sudah dinyatakan tentang beliau (iaitu ‘Umar♦) sebelum ini.⁴⁰

4. KESIMPULAN

Al-Taftazani paling menyerlah dalam ilmu hakikat dan juga pakar dalam ‘ilm al-mantiq, ‘ilm al-usul, usul al-fiqh, tafsir, ‘ilm al-kalam dan banyak lagi. Walaupun tidak dinyatakan sebagai tokoh dalam bidang hadis, namun beliau telah berjaya menghuraikan *al-Arba‘in al-Nawawiyyah* dengan baik sekali.

Walaupun karya ini mempunyai kelebihan dan keistimewaannya yang tersendiri, ia tetap mempunyai beberapa kelemahan. Paling ketara adalah Al-Taftazani kurang mengambil berat berkaitan dengan *takhrij al-hadith*, pengenalan kepada *perawi-perawi* hadis serta terdapat juga *al-athar* yang tidak diketahui asal-usulnya. Masalah *sanad* juga amat jarang disentuh oleh beliau dan ini berkemungkinan kerana sebahagian besar hadis-hadis ini adalah riwayat al-Bukhari dan Muslim yang sudah diketahui martabatnya. Namun begitu, ia tidak mengurangkan nilai akademik yang dihasilkan oleh penulisnya.

5. RUJUKAN

- al-Shaukani (2006), *al-Badr al-Toli ‘bi Mahasin man Ba‘d al-Qarn al-Sabi*, Beirut : Dar Ibn Kathir, cet. 1, j.2.
- al-Atabaki, Yusuf bin Taghr Barda (1988), *al-Manhal al-Safi wa al-Mustawfa Ba‘d al-Wafa*, Dr. Nabil Muhammad ‘Abd al-‘Aziz (*tahqiq*),ttc : Markaz Tahqiq al-Turath, j.5.
- Al-Suyuti (1979), *Bughyah al-Wu‘ah fi Tabaqat al-Lughawiyyin wa al-Nuhah*, Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim (*tahqiq*), cet.2, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-‘Imad (1992), *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, Mahmud al-Arna’ut (*tahqiq*), cet.1, Beirut: Dar Ibn Kathir, j.8.
- Tash Kabari Zadah (1985), *Miftah al-Sa‘adah wa Misbah al-Siyadah fi Mawdu‘at al-‘Ulum*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j.1.
- al-Baghdadi, Isma‘il Basha (1951), *Hadiyyah al-‘Arifin Asma’ al-Mu’allifin wa Athar al-Muthannifin*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, Lubnan, j.2.
- Umar Reda Kahalah (t.t), *Mu‘jam al-Mu’allifin Tarajim Musannifi al-Kutub al-‘Arabiyyah*, Beirut: Maktabah al-Mathna, Dar Ihya’ al-Turath, j. 12.
- al-‘Asqalani, Ibn Hajar (1986), *Anba‘ al-Ghumar bi Abna‘ al-‘Umr fi al-Tarikh*, Dr. Muhammad ‘Abd al-Ma‘id Khan (*tahqiq*), Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Lubnan, cet.2, j.2.
- al-‘Asqalani, Ibn Hajar (1972), *al-Durar al-Kaminah fi A‘yan al-Mi‘ah al-Thaminah*, India : Da’irah al-Ma‘arif al-‘Uthmaniyyah, j.6.
- al-Taftazani, Sa‘ad al-Din (1998), *Sharh al-Maqasid*, Dr. ‘Abd al-Rahman ‘Amirah (*tahqiq*), Beirut : ‘Alah al-Kutub, j.1.
- Muhammad Farid Wajdi (t.t), *Da’irah al-Ma‘arif al-Qarn al-‘Isyrin al-Rabi’ ‘Ashar – al-Ishrin*, Beirut: Dar al-Fikr, j.2.
- Nasir Sayyid Ahmad et.all (2008), *al-Mu‘jam al-Wasit*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, h.326-327.
- Sharh Latif ‘ala Arba‘in Hadithan li Imam al-Nawawi*, M 297.1248 AHMP, halaman mukaddimah (Manuskrip).

⁴⁰ *Ibid.*, h.62.